



PENYALAHGUNAAN DADAH JENIS SYABU DALAM KALANGAN MASYARAKAT ISLAM DI SANDAKAN, SABAH: FAKTOR DAN LANGKAH MENGATASINYA

*SYABU DRUG ABUSE AMONG THE MUSLIM COMMUNITY IN SANDAKAN,
SABAH: FACTORS AND MEASURES TO OVERCOME IT*

Hamida Ambo¹, Saifulazry Mokhtar^{2*}, Kasoma Thia³

¹ Messrs Ambo & Co, Sandakan, Sabah, Malaysia

Email: hamidambo@gmail.com

² Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

Email: saifulazry.mokhtar@ums.edu.my

³ Sekolah Menengah Kebangsaan Tebbon, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

Email: dr.asaif7782@yahoo.com.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 15.04.2022

Revised date: 05.05.2022

Accepted date: 31.05.2022

Published date: 27.06.2022

To cite this document:

Ambo, H., Mokhtar, S., & Thia, K. (2022). Penyalahgunaan Dadah Jenis Syabu Dalam Kalangan Masyarakat Islam Di Sandakan, Sabah: Faktor Dan Langkah Mengatasinya. *International Journal of Law, Government and Communication*, 7 (28), 281-295.

DOI: 10.35631/IJLGC.728022.

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



Abstrak:

Isu penyalahgunaan dadah di Malaysia semakin meningkat setiap tahun. Peningkatan yang sangat ketara ini telah membimbangkan banyak pihak sehingga ia telah meliputi kehidupan sehari-hari masyarakat Islam. Penggunaan Syabu dalam masyarakat Islam di Sandakan, Sabah sudah menjadi kelaziman dalam kehidupan sehari-hari mereka. Justeru, kajian ini bertujuan untuk merungkai penyalahgunaan dadah jenis Syabu (*Methamphetamine*) secara spesifik di daerah Sandakan, Sabah dengan mensasarkan golongan masyarakat Islam tempatan menerusi faktor-faktor yang mempengaruhi seseorang dalam penggunaan Syabu dan langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengurangkan masalah ini dalam kalangan masyarakat Islam di Sandakan. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu dengan menggunakan kaedah temu bual dan analisis dokumen. Berdasarkan kajian yang dijalankan, faktor yang menyumbang kepada penyalahgunaan dadah ini didorong besar oleh faktor sosiodemografi seseorang, faktor ekonomi dan kekurangan penekanan terhadap didikan agama Islam. Faktor sosial juga memainkan peranan di mana faktor rakan sebaya mendorong penyalahgunaan dadah dalam kalangan mereka yang terlibat. Kesan daripada penyalahgunaan dadah ini menyebabkan peningkatan kadar jenayah, menjelaskan kesihatan dan keruntuhan institusi keluarga. Bagi mengatasi penyalahgunaan Syabu ini semakin berleluasa, terdapat tujuh langkah yang diketengahkan oleh pengkaji sebagai usaha

membendung penularan virus ini dalam landskap kehidupan masyarakat Islam di Sandakan khususnya, dan keluarga Malaysia amnya.

Kata Kunci:

Implikasi, Masyarakat Islam, Penyalahgunaan Dadah, Sandakan, Syabu, Trend

Abstract:

The issue of drug abuse in Malaysia is increasing every year. This significant increase has alarmed many to the point that it has covered the daily life of the Islamic society. The use of Syabu in the Muslim community in Sandakan, Sabah has become commonplace in their daily lives. Thus, this study aims to solve the specific syabu (*Methamphetamine*) drug abuse in the district of Sandakan, Sabah by targeting the local Muslim community through factors that influence a person in the use of Syabu and figures that can be taken to alleviate this problem among the Muslim community in Sandakan. The study uses a qualitative method which is to use the method of interview and analysis of documents. Based on the research conducted, the factors contributing to drug abuse are driven largely by the sociodemographic factors of a person, economic factors, and the lack of emphasis on Islamic education. Social factors also play a role in which peer factors drive drug abuse in the guts of those involved. The consequences of this drug abuse led to an increase in crime rates, adversely affecting the health and collapse of family institutions. To overcome the widespread abuse of Syabu, there are seven measures highlighted by researchers as an effort to curb the spread of the virus in the life landscape of the Muslim community in Sandakan in particular, and Malaysian families in general.

Keywords:

Implications, Muslim Community, Drug Abuse, Sandakan, Syabu, Trends

Pengenalan

Menurut Salleh (2012), istilah dadah dalam Bahasa Inggerisnya adalah "Drug" bermaksud ubat-ubatan. Dadah merupakan satu istilah khas yang merujuk kepada sejenis bahan yang mendaraskan kemudaran kepada kesihatan seseorang dari segi fizikal, mental, emosi serta tingkah laku pengguna apabila digunakan. Oleh itu, kerajaan Malaysia telah menyenaraikan dadah di dalam Akta Dadah Berbahaya 1952 untuk mengharamkan penanaman, pengeluaran, pengedaran, pengimportan, pengeksportan, pemilikan dan penyalahgunaan dadah seumpama ini. Dadah Berbahaya pula adalah golongan dadah yang tergolong di bawah Seksyen 2 Akta Dadah Berbahaya 1952. 'Dadah Berbahaya' bermaksud sebarang dadah atau bahan-bahan yang disenaraikan merangkumi dalam Jadual Pertama di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 tersebut. Menurut Abdul Ghani dan rakan-rakan (2014), dadah dalam bahasa Arab ialah *al-Mukhadarat* iaitu benda-benda yang boleh mendaraskan mudarat dan ketidakwarasan akal fikiran. Perkataan ini berasal dari perkataan *mukhadara* yang bererti bahaya. Istilah 'penyalahgunaan' menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2007), pula bermaksud perihal atau perbuatan menyalahgunakan sesuatu. Dasar Dadah Negara menyifatkan penyalahgunaan dadah kepada "tingkah laku penggunaan dadah secara salah, tidak betul, dan bukan bagi tujuan perubatan tetapi ia diambil untuk mendapatkan keseronokan atau menghilangkan kecelaruan."

Kes-kes melibatkan penyalahgunaan dadah Syabu ini meningkat setiap tahun di seluruh negara termasuklah Malaysia. Hal ini dapat dilihat apabila sebanyak 13,768 kes telah dilaporkan pada tahun 2019 berbanding pada tahun-tahun sebelumnya iaitu 2018 dan 2017 sebanyak 11,531 kes dan 10,419 kes. Dalam tiga tahun kebelakangan ini, pihak Jabatan Penyiasatan Jenayah Narkotik Bukit Aman telah mencatatkan rampasan Syabu sebanyak 10.9 tan yang bernilai lebih daripada RM436 juta. Manakala di Sabah pula, wujud peningkatan dalam penyalahgunaan dadah secara mendadak di mana sebanyak 1,574 kes telah dilaporkan pada tahun 2019 berbanding tahun 2017 yang mencatatkan sebanyak 1,047 kes dan tahun 2015 sebanyak 898 kes secara keseluruhan. Kegiatan yang melibatkan penyalahgunaan dadah Syabu ini terserah tidak mengira masa dan permintaan untuknya adalah masih tinggi walaupun kehidupan dan ekonomi masyarakat dunia kini telah terjejas dengan penularan wabak pandemik COVID-19 baru-baru ini. Justeru, keadaan ini adalah amat membimbangkan kerana kes melibatkan penyalahgunaan dadah ini tidak menunjukkan sebarang penurunan walaupun kerajaan pusat dan kerajaan negeri telah bersama-sama memberikan komitmen yang tinggi untuk terus tegas dalam memerangi najis dadah ini.

Penyalahgunaan dadah tidak mengenal mangsa kerana bukan sahaja melibatkan golongan orang dewasa tetapi menular dengan cepat dalam kalangan golongan remaja yang masih bersekolah. Ini adalah suatu masalah yang membimbangkan kerana golongan muda ini yang bakal menjadi pewaris untuk menerajui dan mewarisi negara pada masa hadapan. Seandainya golongan ini dipengaruhi dengan penyalahgunaan dadah maka harapan untuk melihat negara ini berkembang maju dan makmur pada masa hadapan akan menjadi sia-sia dan tidak berguna. Menurut Bibi (2019) iaitu Pengarah Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) Sabah, menyatakan bahawa penyalahgunaan dadah jenis Syabu adalah masih tinggi dalam senarai penyalahgunaan dadah di Sabah iaitu hampir 90%. Setakat Julai tahun 2019, AADK Sabah sudah merekodkan sejumlah 3,079 tangkapan berbanding 2,575 tangkapan yang direkodkan sepanjang tahun 2018. Antara lokasi-lokasi yang dikenalpasti dan disenaraikan sebagai kawasan panas di Sabah adalah Kota Kinabalu, Penampang, Sepanggar, Beaufort, Keningau dan termasuk daerah Sandakan.

Menurut Jass (2019), iaitu Timbalan Pesuruhjaya Polis Sabah pula menyatakan 33.9 kg Syabu bernilai RM1.69 juta telah dirampas sekitar Januari hingga Julai tahun 2019 sahaja. Menurut AADK, kes-kes berkenaan penyalahgunaan dadah menunjukkan peningkatan secara mendadak di Sabah dari tahun ke tahun. Peningkatan kes penyalahgunaan dadah secara keseluruhan sejak tahun 2015 di Sabah boleh dilihat berdasarkan statistik AADK dalam jadual 1 berikut:

Jadual 1: Statistik Kes Penyalahgunaan Dadah di Sabah

Tahun	2015	2016	2017	2018	2019
Jumlah Kes	898	1,044	1,047	1,200	1,574

Sumber: Agensi Anti Dadah Kebangsaan (2019)

Di Sandakan, kes-kes penyalahgunaan dadah bukan sahaja tertumpu dalam kalangan warga tempatan tetapi juga warga asing terutama dari negara jiran khususnya dari negara Filipina. Menurut Zainudin (2020), Menteri Dalam Negeri menyatakan bahawa di Sabah terdapat 37 titik pendaratan warga asing melibatkan 10 daerah dan Sandakan mempunyai titik pendaratan yang paling tinggi iaitu 11. Jadual 2 berikut adalah statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri pada 14 Jun 2020 berkaitan dengan titik pendaratan warga asing mengikut daerah di Sabah.

Jadual 2: Jumlah Titik Pendaratan Warga Asing Mengikut Daerah di Sabah

Daerah	Jumlah titik pendaratan warga asing
Sandakan	11
Lahad Datu	5
Tawau	4
Kudat	4
Beluran	4
Kota Kinabatangan	2
Kota Marudu	2
Semporna	1
Pitas	1

Sumber: Petikan Surat Khabar Bernama (2020)

Berdasarkan Jadual 2 di atas, maka tidak hairan untuk kita melihat kepada keadaan geografi daerah Sandakan yang berada berdekatan dengan negara-negara jiran seperti Indonesia dan Filipina yang menjadi titik panas pendaratan warga asing ke negeri Sabah. Malah, hal ini ditambah pula dengan perkembangan sosio-ekonomi rantau tersebut yang semakin pesat membangun dan membawa kepada penularan kegiatan penyeludupan lantas penyalahgunaan dadah Syabu di Sandakan. Oleh yang demikian, situasi ini telah menyumbangkan kepada statistik kes penyalahgunaan Syabu yang tinggi di Sandakan berbanding daerah-daerah lain di negeri Sabah. Melihat kepada masalah ini, tindakan dan kawalan perlu diambil oleh semua pihak bagi membendung jenayah ini dari terus berakar umbi dan meningkat dari semasa ke semasa. Sehingga ke hari ini, masalah penyalahgunaan dadah Syabu di Sandakan masih lagi menyelubungi masyarakat dan pelbagai persoalan-persoalan yang timbul kepada pernyataan masalah ini.

Dengan berpaksikan kepada senario tersebut, satu kajian berkaitan dengan faktor yang mendorong kepada trend penyalahgunaan dadah Syabu serta langkah-langkah untuk mengatasinya perlu dijalankan di Sandakan, Sabah. Ia bertujuan supaya semua pihak mengambil langkah awal dan berhati-hati dengan penularan najis ini agar masyarakat Islam khusunya tidak terpedaya dengan gejala yang tidak bermoral ini. Dengan mengetahui faktor-faktor penyalahgunaan serta langkah-langkah mengatasinya, masyarakat Islam dapat menjauhkan diri mereka dari terjerumus ke lembah najis dadah seterusnya dapat merealisasikan hasrat dan harapan negara dalam melahirkan masyarakat yang aman dan harmoni.

Sorotan Literatur

Penyalahgunaan dadah khususnya Syabu bukanlah satu isu baharu masa kini. Ia merupakan satu jenayah berat yang seringkali dibicarakan dalam dada-dada akhbar dan kaca televisyen. Dengan populariti tersebut, sudah pasti terdapat banyak kajian-kajian lepas yang sedikit sebanyak menyorot isu ini untuk diketengahkan dalam masyarakat. Hasil sorotan literatur yang dijalankan, terdapat beberapa kajian dalam jurnal yang menulis dan membuat kajian tentang penyalahgunaan dadah. Di antara kajian-kajian berkaitan penyalahgunaan dadah yang sempat dirujuk adalah kajian Al-Hadi (1993) menerusi kajianya yang bertajuk, “*Faktor-faktor Keluarga dan Tingkah Laku Penyalahgunaan Dadah: Satu Kajian Perbandingan antara Penyalahgunaan Dadah dengan Bukan Penyalahguna Dadah*”. Dalam kajian tersebut, beliau mendapati seorang penagih yang terlibat dengan aktiviti penyalahgunaan dadah akan hilang maruah diri dan tidak menghormati ibu bapa. Maruah keluarga juga akan tercaltar dan mereka hilang maruah diri kerana menjadikan tempat-tempat kotor sebagai rumah mereka. Ini jelas

menunjukkan bahawa kesan penyalahgunaan dadah ini sangat memperberikan kesan buruk kepada seseorang yang menggunakan.

Dalam kajian Arsat & Besar (2011) yang bertajuk “*Penyalahgunaan Dadah di Kalangan Pelajar. Satu Kajian di Pusat Serenti Tiang Dua, Melaka*” telah mengenalpasti faktor permasalahan keluarga mempengaruhi penyalahgunaan dadah dalam kalangan pelajar seperti ibu bapa sering bergaduh menyebabkan anak-anak mereka tertekan dengan persekitaran sehingga mereka terjerumus dengan aktiviti penyalahgunaan dadah. Pelajar-pelajar ini merasakan mereka perlu bertindak mencari ketenagan di luar jika wujud suasana yang tegang di rumah dengan menjadikan dadah sebagai jalan penyelesaiannya. Hal ini diperkuatkan lagi dengan kajian yang dilakukan oleh Abd Razak dan rakan-rakan (2009) di mana kajian mereka mendapati ibu bapa merupakan sumber yang sangat utama dalam memberikan maklumat penyalahgunaan dadah kepada murid berbanding sumber-sumber lain. Ini menunjukkan bahawa, sebuah institusi keluarga memainkan peranan yang sangat penting dalam isu penyalahgunaan dadah dalam kalangan masyarakat kita hari ini. Jika sebuah keluarga tersebut tidak memberikan penekanan terhadap bahayanya dadah dalam kehidupan, sudah tentu ada dalam kalangan anak-anak mereka yang cuba mendekatkan dirinya dengan aktiviti yang tidak bermoral ini.

Kajian literatur seterusnya adalah tertumpu kepada kajian yang dijalankan oleh Tunggak dan rakan-rakan (2015) berkenaan tajuk “*Faktor Risiko Belia Terlibat dalam Penyalahgunaan Dadah dan Cadangan Penyelesaiannya Menerusi Model Pembangunan Belia Muslim Terpimpin*”. Hasil kajian beliau mendapati media massa juga menjadi faktor terbesar dalam menayangkan iklan-iklan dan cerita yang berunsur negatif. Para belia lebih mudah terpengaruh kepada apa yang dilihat di kaca televisyen dan akhbar. Kebanyakan pengamal media hanya memikirkan keuntungan semata-mata bagi mlariskan jualan tanpa memikirkan risiko kepada pelanggan terutama belia. Dengan adanya iklan-iklan yang tidak mendatangkan manfaat ini kepada masyarakat, para belia akan mudah menerima iklan tersebut dan akan cuba untuk merealisasikan iklan yang mereka lihat tersebut dalam realiti kehidupan mereka.

Dalam “*Fenomena Penyalahgunaan Dadah dan Hidu Gam serta Kesannya Kepada Sistem Nilai*” oleh Seli dan rakan-rakan (2004) pula menyatakan bahawa keadaan sosio-ekonomi seperti golongan berpendapatan rendah dan tahap pendidikan yang rendah dan pengaruh persekitaran seperti rakan sebaya adalah menyumbang besar kepada faktor-faktor pengambilan dan penyalahgunaan dadah serta penghiduan gam. Selain daripada itu, kajian tersebut juga menyokong bahawa langkah terbaik dalam menangani penyalahgunaan dadah seperti gejala hidu gam adalah melalui institusi keluarga itu sendiri berbanding dengan faktor-faktor yang lain. Dalam Kajian Ithnin dan rakan-rakan (2016) yang bertajuk “*Analisis Faktor Penyalahgunaan Dadah dan Langkah Dari Segi Kognisi di Pusat Pengasih Malaysia*”, mendapati dan mengenalpasti punca yang paling berpengaruh terhadap penagih dalam penyalahgunaan dadah dan faktor-faktor yang mendorong kepada penyalahgunaan dadah. Hasil kajian mereka sepakat mengatakan faktor asas yang mempengaruhi kehidupan penagih adalah kekurangan didikan agama dan moral dalam kalangan penagih.

Manakala menurut kajian Marican dan rakan-rakan (2007) di dalam artikel berjudul “*Trend dan Punca Penggunaan Dadah di Kalangan Penagih Dadah Wanita di Negeri Sabah: Implikasi kepada Rawatan dan Pemulihan Dadah*” menunjukkan perasaan ingin tahu mendominasi faktor-faktor pengambilan dan penyalahgunaan dadah. Selain daripada itu, dapatan kajian mereka juga menunjukkan bahawa golongan wanita yang terlibat dengan

penyalahgunaan dadah bukanlah terdiri daripada mereka yang buta huruf dan berpendidikan rendah tetapi sebaliknya. Hasil kajian mereka turut membuktikan bahawa majoriti penagih terutama wanita mendapatkan bekalan dadah dengan membeli menggunakan duit mereka sendiri tidak sepertimana penagih lelaki. Menurut Othman dan rakan-rakan (2015), isu pengedaran dan penyalahgunaan dadah di Malaysia merupakan isu nasional. Dapatan kajian beliau mendapati wujudnya ancaman ke atas insan dalam individu-komuniti di Malaysia. Walau bagaimanapun, kepelbagaiannya dapatan kajian juga menunjukkan sebahagian besar program rawatan dan pemulihan yang dijalankan untuk mengekang pengkreutan penagih adalah kurang berkesan.

Berdasarkan kepada sorotan literatur yang berkaitan dengan penyalahgunaan dadah, masih belum ada kajian khusus yang dijalankan terhadap masyarakat Islam di Sandakan, Sabah berkaitan dengan faktor dan langkah mengatasi penyalahgunaan dadah Syabu. Walaupun terdapat sesetengah pengkaji yang cuba mengenalpasti faktor yang mempengaruhi seseorang itu dalam pengambilan dadah terlarang, namun faktor tersebut tidak menepati ciri-ciri sosiodemografi masyarakat Islam di Sandakan. Terdapat beberapa aspek yang dilihat dalam kajian ini mempunyai kaitan dengan Teori Sosial iaitu tingkah laku seseorang manusia itu dilihat berdasarkan kepada persekitarannya. Merujuk kepada teori ini terdapat beberapa faktor dan langkah yang perlu dikenalpasti bagi membendung penularan penyalahgunaan Syabu dalam kalangan masyarakat Islam di Sandakan.

Metodologi Kajian

Dalam menjayakan kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif iaitu menerusi temu bual yang dilakukan terhadap penyalahgunaan dadah oleh penagih-penagih yang dihadapkan di Mahkamah Sandakan bagi kes-kes di bawah Seksyen 12(2) dan 15(1)(a) ADB dikendalikan oleh pengkaji sendiri sebagai ahli Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (“YBGK”). Subjek atau responden yang dipilih adalah berbentuk *purposive sampling* iaitu individu yang pernah menyalahgunakan dadah Syabu di Sandakan. Manakala faktor pemilihan tempat iaitu Mahkamah Sandakan, AADK Sandakan dan setinggan di kawasan daerah Sandakan untuk memudahkan pengkaji mengenalpasti responden yang betul-betul terlibat dengan aktiviti penyalahgunaan dadah. Kajian ini telah dijalankan selama dua tahun bermula tahun 2021 sehingga 2022. Pengkaji juga akan mendapatkan keizinan (*consent*) daripada insitusi yang terlibat seperti Mahkamah Sandakan, Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Penjara dan responden-responden sendiri sebelum pengumpulan data melalui temu bual bagi memelihara etika kajian dan penyelidikan yang dijalankan dengan jaminan identiti mereka dirahsiakan. Dapatan kajian temu bual ini akan terus dikupas dalam dapatan kajian serta ditambah dengan fakta dari kajian terdahulu dan yang berkaitan dengan tajuk kajian. Selain itu, kajian perpustakaan juga turut dijalankan bagi memperoleh data dan kajian lepas berkaitan dengan faktor-faktor dan kesan-kesan penyalahgunaan dadah. Dalam mendapatkan data kajian perpustakaan, pengkaji menggunakan khidmat beberapa perpustakaan yang ada di Sandakan Sabah iaitu Perpustakaan Wilayah Sandakan untuk menyokong kajian.

Dapatan dan Perbincangan

Syabu merupakan salah satu dadah jenis *Amphetamine Type Stimulant* (ATS) iaitu dadah jenis perangsang. Syabu terkenal sebagai suatu jenis dadah yang mudah didapati dan kerap digunakan dalam kalangan penagih dadah. Nama saintifik bagi Syabu ialah *Methamphetamine* atau ringkasnya ‘*meth*’. Manakala, perkataan Syabu sendiri berasal daripada bahasa tagalog dari Filipina. Nama lazim lain bagi Syabu berbentuk kristal serta jenis serbuk ialah *ice*, *ice baby*, *the devil's drug* (dadah syaitan), *poor man's cocaine* (kokain orang miskin), *chalk*,

crank, fire, glass, speed dan manakala syabu yang berbentuk pil pula digelar sebagai WY, pil 'kuda', pil 'yaba' dan pil 'go'. Dadah Syabu ini terhasil daripada dadah induk *Amphetamine* yang digunakan untuk melegakan pernafasan akibat hidung tersumbat. Menurut 'Garis Panduan pengendalian penyalahgunaan ATS dan Psikostimulant' yang dikeluarkan oleh Unit Alkohol dan Substans (2013), perbezaan *Methamphetamine* dan *Amphetamine* terletak pada rangkaian bahan kimia yang mana *Methamphetamine* mengandungi bahan tambahan dari kumpulan metil pada rantai kimianya. Syabu mengandungi kandungan yang aktif iaitu *Amphetamine* yang berbentuk kristal dan senang diserap ke dalam darah apabila dihidu.

Bagaimanapun, dalam konteks perubatan pada masa kini kegunaan *Amphetamine* adalah terhad dalam keadaan tertentu seperti rawatan narkolepsi iaitu suatu keadaan yang mana seseorang rasa mengantuk dan tertidur secara spontan, kurang penumpuan dan kegemukan yang teruk. Secara amnya, di Malaysia, *Amphetamine* hanya diluluskan bagi sejenis penyakit dalam kalangan kanak-kanak yang terlalu aktif dan kurang daya tumpuan yang juga dikenali sebagai *Attention Deficit Hyperactive Disorder* ("ADHD") di bawah seliaan ketat oleh doktor ataupun mana-mana pegawai perubatan yang bertauliah. Namun, pada kebiasaananya, seseorang yang terlibat dengan penyalahgunaan Syabu akan bertindak luar kawal sehingga membawa kepada jenayah membunuh. Situasi ini benar-benar memberi tekanan kepada banyak pihak baik pihak berkuasa dan masyarakat, malah lebih bahaya kepada institusi keluarga jika ada ahlinya menyalah guna bahan terlarang tersebut (Belon, 2022).

Dalam kajian ini, pengkaji akan mengupas secara mendalam berkaitan dengan faktor-faktor penarik kepada penyalahgunaan Syabu dalam kalangan masyarakat Islam di Sandakan serta langkah-langkah yang sesuai untuk diaplikasikan kepada mereka sebagai penebat dan benteng utama kepada penularan penyalahgunaan Syabu. Faktor pendorong dan langkah pencegahan ini mungkin terdapat persamaan dan perbezaannya dalam masyarakat Islam bergantung kepada sosio fizikal dan taraf ekonomi mereka. Perbincangan lanjut berkaitan faktor pendorong kepada penyalahgunaan Syabu dan langkah pencegahannya adalah seperti berikut.

Faktor-Faktor Pendorong kepada Penyalahgunaan Syabu dalam Kalangan Masyarakat Islam di Sandakan

Tiada negeri di Malaysia yang terkecuali daripada kes yang melibatkan penyalahgunaan dadah. Negeri Sabah yang mempunyai kedudukan yang dikelilingi dengan perairan yang mempunyai akses kepada negara-negara Asia yang lain seperti Vietnam dan Filipina menjadi pilihan kepada pengedar-pengedar dadah untuk menyeludup masuk secara haram dadah ke negeri Sabah. Kewujudan rumah-rumah setinggan yang turtut diduduki oleh warga-warga asing serta faktor pengaruh rakan serta kekurangan pendidikan agama juga menyebabkan peningkatan dalam kes pengedaran dadah di negeri Sandakan. Maka adalah tidak hairan mengapa kes-kes penyalagunaan dadah di Sabah masih tinggi berbanding dengan negeri-negeri lain di Malaysia. Dalam kajian Manab (2013), faktor jantina lelaki berumur diantara 19-39 tahun yang bekerja sebagai buruh am, berpendidikan sehingga SPM dan bujang adalah faktor risiko demografi yang paling mempengaruhi belia dikawasan bandar diseluruh negeri Johor terhadap penyalahgunaan bahan. Manakala faktor risiko internal dan eksternal menunjukkan faktor rakan sebaya merupakan faktor risiko yang utama terhadap penyalahgunaan bahan dikawasan bandar. Hasil dari kajian yang dijalankan, terdapat beberapa faktor utama yang menjadi pendorong kepada masyarakat Islam di Sandakan khususnya untuk melakukan penyalahgunaan Syabu dalam kehidupan seharian mereka. Berikut adalah kupasan kepada faktor-faktor tersebut iaitu;

Sosiodemografi

Secara ringkasnya, sosiodemografi seseorang berpengaruh dalam menjadi faktor penyalahgunaan dadah Syabu di Sandakan. Pengkaji mendapati seseorang yang berasal daripada keluarga berpendapatan rendah mempunyai risiko yang lebih tinggi untuk terlibat dalam penyalahgunaan dadah ini berbanding mereka yang berasal dari keluarga dengan sosioekonomi yang jauh lebih baik. Hal ini adalah kerana sosioekonomi rendah menyumbang kepada penempatan yang berisiko terdedah kepada kadar jenayah yang lebih tinggi. Selain itu, mereka yang hidup dalam keadaan sosiodemografi yang rendah ini menghadapi tekanan hidup yang lebih tinggi justeru terlibat terdedah dengan penyalahgunaan dadah lebih-lebih lagi Syabu yang mudah didapati dan menjadi *trend* dadah masa kini. Pengkaji juga mengenal pasti bentuk penempatan tertentu di Sandakan sebagai penyumbang kepada penyalahgunaan dadah ini iaitu penempatan perumahan rakyat, penempatan-penempatan tidak sah, kawasan setinggan dan kawasan kampung atau luar bandar di sekitar Sandakan berbanding kawasan-kawasan bandar.

Pengaruh Keluarga, Rakan dan Persekutaran

Pada hakikatnya, naluri dan kehendak seseorang insan itu sentiasa berubah-ubah dan mudah terpengaruh dengan keadaan sekeliling (Mokhtar dan rakan-rakan, 2021f). Dalam konteks ini, pengkaji mendapati pengaruh orang lain seperti keluarga sendiri, rakan dan persekitaran memainkan peranan dalam mempengaruhi gejala penyalahgunaan dadah Syabu dalam kalangan masyarakat Islam di Sandakan ini. Hal ini adalah kerana berdasarkan tinjauan pengkaji, rata-rata kes pemilikan dan penyalahgunaan dadah di Mahkamah Sandakan yang mempunyai lebih dari seorang tertuduh dalam satu kes tersebut merupakan kawan, kenalan atau teman antara satu sama lain. Pengkaji juga dapat memperhatikan mereka ini berasal daripada kawasan ataupun tempat tinggal yang sama dan bersosiodemografi rendah. Akibat daripada kawasan yang mempunyai sosiodemografi yang rendah, seseorang yang tinggal di kawasan ini terdedah kepada pengaruh persekitaran dan rakan-rakan termasuklah pengaruh negatif dadah. Justeru, faktor ini memainkan peranan penting dalam penyalahgunaan dadah ini.

Tekanan Hidup

Lanjutan daripada perkara di atas, kita tidak dapat menafikan terdapat korelasi antara sosiodemografi dan tekanan hidup yang mana tekanan hidup berupaya menjeremuskan seseorang ke kancang penyalahgunaan dadah termasuklah Syabu kerana kesan tekanan hidup tinggi akibat kesempitan hidup yang dialami seseorang. Apabila dilihat dari aspek pekerjaan, kebanyakannya penagih dadah ini bekerja dalam skop pekerjaan yang mempunyai tekanan tinggi namun pendapatan yang agak rendah seperti pekerja sektor buruh am, pekerja sambilan, kontraktor, pekerja dalam sektor pertanian, penternakan dan sebagainya. Sehubungan dengan itu, terdapat antara mereka yang melibatkan diri dalam penjualan dadah sebagai jalan pintas untuk mengatasi tekanan yang dihadapi seterusnya mengatasi masalah kewangan juga turut menjadi pendorong kepada penglibatan mereka dalam penyalahgunaan Syabu (Mokhtar dan rakan-rakan, 2020). Selain itu, pengambilan alkohol dan penagihan dadah seperti Syabu juga merupakan salah satu cara bagi mereka melepaskan tekanan hidup ini. Selain kesempitan hidup, ternyata rumah tangga yang tidak kukuh serta sikap ibu bapa yang terlalu memanjakan anak dan bersikap pilih kasih terhadap anak-anak sehingga menganggu emosi anak-anak sehingga tertekan dan terjebak dalam menyalahgunakan dadah Syabu menjadi faktor tekanan hidup dan penyalahgunaan dadah bagi sesetengah masyarakat Islam di Sandakan.

Kekurangan Pendidikan Agama Islam

Kekurangan pendidikan agama juga menjadi faktor penyalahgunaan dadah Syabu dalam kalangan masyarakat Islam di Sandakan. Hal ini adalah kerana seseorang itu tidak memahami

keburukan dadah yang digunakan termasuklah Syabu ini apabila kekurangan pedoman agama. Agama Islam secara jelas telah mengharamkan penggunaan dadah dan kekurangan pemahaman ini menjadikan seseorang itu tiada pegangan kukuh lantas menjerumuskan diri dalam penyalahgunaan dadah Syabu. Kekurangan pemahaman agama ini terjadi apabila persekitaran seseorang itu tidak menyokong kepada suasana beragama seperti kawasan-kawasan yang rata-rata penduduknya mempunyai tahap pendidikan yang rendah dan kawasan yang terdedah kepada jenayah.

Dengan penglibatan aktif mereka dalam aktiviti penyalahgunaan Syabu ini telah meninggalkan impak yang negatif dan membawa kemudaratan seperti yang digariskan oleh agama Islam sendiri. Kesan-kesan ini melibatkan peningkatan kes jenayah dan musibah yang tidak diingini kepada masyarakat di Sandakan. Hal ini adalah kerana penyalahgunaan dadah Syabu mengakibatkan seseorang itu terdedah kepada jenayah lain rentetan daripada keperluan mendapatkan bekalan Syabu ini yang membawa kepada kes kecurian dan pecah rumah. Selain itu, tahap kesihatan mental dan fizikal seseorang akan terjejas kerana keburukan Syabu. Syabu membawa kesan buruk kepada mental seseorang sehingga menimbulkan perasaan ingin membunuh diri pada jangka masa panjang. Selain itu, fizikal seseorang terjejas teruk akibat Syabu yang bertindak sebagai ‘pengganti’ makanan kepada seseorang lalu menjelaskan tahap kesihatan fizikalnya. Akhirnya, rentetan daripada penyalahgunaan Syabu ini, nama baik keluarga seseorang akan tercemar dan membawa keruntuhan kepada rumah tangga insan tersebut. Bukan sahaja keluarga dan rumah tangga menjadi mangsa, diri sendiri yang merana akibat penyalahgunaan Syabu ini.

Langkah-Langkah Pencegahan Penyalahgunaan Syabu dalam Kalangan Masyarakat Islam di Sandakan

Masalah penagihan dadah Syabu ini di daerah Sandakan jika gagal dibendung boleh membawa kepada pelbagai masalah sosial dan memburukkan nama daerah ini khususnya terhadap umat Islam di sekitar Sandakan. Peningkatan dalam kes-kes yang melibatkan penyalahgunaan dadah jenis Syabu boleh menyebabkan daerah ini menjadi satu *port* kepada pengedaran dadah dan dilabel sebagai daerah bahaya seperti pekan *cowboy*. Justeru, pelbagai pihak perlu berganding bahu untuk bersama-sama menangani masalah ini. Daripada punca dan faktor peningkatan kes-kes yang telah pengkaji kenal pasti sebelum ini, langkah-langkah yang berikut wajar diambil dalam kadar yang segera untuk menangani jenayah penyalahgunaan dadah jenis Syabu di daerah Sandakan ini. Berikut adalah langkah-langkah untuk mengatasi penularan penyalahgunaan dadah Syabu dalam masyarakat Islam di daerah Sandakan iaitu;

Tanggungjawab Ibu Bapa dalam Memberikan Perhatian yang Secukupnya kepada Anak-Anak

Peribahasa Melayu ‘Melentur buluh biarlah dari rebungnya’ perlu dijadikan asas sesuatu keluarga. Nilai-nilai murni perlu diterapkan ke atas anak-anak sejak usia muda lagi di rumah supaya mereka dapat membezakan dan baik atau buruk sesuatu perkara dan natijahnya. Ibu bapa haruslah sentiasa mengingatkan anak-anak berkenaan bahaya penggunaan dadah. Bagi anak-anak yang sudah bersekolah, ibu bapa perlu mengenalpasti dengan siapa anak-anak bergaul. Bagi anak-anak yang sudah remaja, ibu bapa perlu sentiasa peka dan memantau pergerakan anak-anak dari masa ke masa dan sekali-sekala membuat pemeriksaan pada bilik tidur atau beg anak-anak. Ibu bapa perlu sentiasa mendapatkan perkembangan anak-anak mereka di sekolah supaya mereka mengetahui bahawa anak-anak mereka benar-benar menghadiri kelas dan bukan poteng sekolah. Ibu bapa perlu mendedahkan anak-anak kepada pengajaran agama dan perbincangan berkenaan kemudaratan mengambil dadah.

Ibu bapa perlu menekankan sunnah Nabi Muhammad SAW iaitu *Amar Makruf Nahi Mungkar*, yang menyuruh umat Islam untuk melakukan kebaikan dan menghindar keburukan. Penekanan ajaran-ajaran Islam dan penerapan nilai-nilai moral sudah cukup untuk membantu anak-anak hindar daripada najis dadah ini. Anak-anak juga boleh dibawa ke forum-forum perbincangan atau pameran mengenai kesan-kesan penyalahgunaan dadah yang dianjurkan oleh AADK dan organisasi-organisasi yang lain. Selain itu, ibu bapa perlu menjadi contoh yang baik kepada anak-anak dengan menghindarkan diri daripada najis dadah ini. Kedua-dua ibu bapa perlu memainkan peranan masing-masing dalam mendidik anak-anak dan bersama-sama mengetahui perkembangan anak-anak mereka tanpa meletakkan beban ke atas satu pihak sahaja. Selain itu, ibu bapa juga perlu bijak dalam menasihati anak-anak mereka terutama bagi anak-anak yang terlalu bergantung dengan rakan sebaya. Menasihati seseorang juga perlu dilaksanakan dengan cara berlemah lembut kerana ia menjadi satu daya tarikan kepada pendengar (Mokhtar dan rakan-rakan, 2022a) dan ia dapat melembutkan hati manusia walaupun ia sekeras batu (Mokhtar dan rakan-rakan, 2021a). Dalam kajian Mokhtar dan rakan-rakan (2021b), pendekatan lemah lembut dalam kaedah pengajaran dan nasihat akan menjadi tarikan kepada pendengar (anak) untuk terus menerima nasihat tersebut dengan hati yang terbuka. Menurut Mokhtar dan rakan-rakan (2021e), kesalahan dalam menggunakan perkataan akan menyebabkan dakwah dan nasihat yang disampaikan kurang berkesan dan ia akan memberikan implikasi negatif terhadap ibu bapa yang tidak berusaha menegur dan membantu anaknya (Mokhtar dan rakan-rakan, 2022b). Oleh hal demikian, kita perlulah mengaplikasikan cara dan teknik dakwah yang telah digunakan oleh Nabi Ibrahim A.S. kepada ayahnya (Mokhtar dan rakan-rakan, 2019) dalam konteks memastikan nilai kejayaan dan kesempurnaan yang diharapkan oleh setiap manusia dalam kehidupan mereka tercapai (Mokhtar dan rakan-rakan, 2021c).

Kejiraninan yang Baik dan Penglibatan dalam Rukun Tetangga

Bagi ibu bapa yang menghadapi kesukaran dalam memberikan perhatian dan pemantauan sepenuhnya ke atas anak-anak, bantuan daripada jiran-jiran untuk memantau pergerakan anak-anak perlu dipertimbangkan. Demi kebaikan anak-anak dan keluarga, adalah lebih baik untuk ibu bapa berkomunikasi dengan jiran tetangga tanpa melihat ego dan latar belakang mereka. Dalam dunia moden ini, adalah tidak sukar untuk jiran-jiran berkomunikasi melalui bantuan teknologi iaitu talian telefon, *Whatsapp* atau *Messenger* dan sebagainya. Satu kejiraninan yang sihat dan peka dengan persekitaran di Sandakan amat diperlukan bagi menangani isu gejala penyalahgunaan dadah. Malah, rukun tetangga dan persatuan penduduk sesuatu perumahan juga memainkan peranan yang penting dalam menangani masalah penyalahgunaan dadah ini dan tidak kira sama ada ia adalah perumahan kos tinggi atau rendah. Persatuan-persatuan perumahan di Sandakan boleh mengadakan program kejiraninan yang berunsur moral dan agama dan membuat aktiviti-aktiviti yang berguna dari masa ke masa untuk menarik penglibatan kanak-kanak, belia dan orang dewasa supaya golongan ini tidak mengambil langkah yang salah dengan terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang memudaratkan kesihatan seperti penyalahgunaan dadah. Rukun tetangga dan persatuan perumahan juga boleh bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan dan pihak penguatkuasa dan badan-badan NGO untuk mengadakan program membanteras penyalahgunaan dadah. Salah satu cabaran besar capaian program pencegahan dadah adalah kurangnya maklumat sejahmana keluarga dalam komuniti muhu terlibat dan berusaha untuk terlibat (Zakaria dan rakan-rakan, 2020).

Peranan Sekolah dalam Mendidik Pelajar Berkanaan Penyalahgunaan Dadah Syabu

Dalam usaha untuk membanteras penyalahgunaan dadah Syabu di Sandakan, sekolah kerajaan mahupun sekolah swasta perlu mengadakan pendidikan untuk mencegah penyalahgunaan dadah berbahaya ini. Pihak sekolah boleh mengadakan aktiviti-aktiviti seperti ceramah, seminar, pameran dan sebagainya dengan melibatkan semua pelajar-pelajar. Hal ini bertujuan untuk memberi informasi, pengetahuan serta kefahaman kepada pelajar terutama golongan remaja tentang bahaya dadah dan kesedaran mereka. Pihak sekolah juga harus mengadakan aktiviti ko-kurikulum seperti perkhemahan motivasi dan menubuhkan kelab atau persatuan pencegahan dadah. Dalam slot ceramah dan motivasi, pihak sekolah harus mempertimbangkan untuk mempelawa bekas penagih dadah Syabu yang telah menjalani hukuman dan yang telah kembali ke jalan yang benar untuk hadir ke sekolah untuk memberikan ceramah dan motivasi kepada pelajar-pelajar. Guru-guru sebagai ibu bapa kedua anak-anak juga perlu sentiasa peka dan memantau pergerakan pelajar-pelajar dan jika mengesyaki seseorang pelajar terlibat dengan dadah mereka perlu memaklumkan dengan segera kepada unit kaunseling, guru disiplin serta ibubapa pelajar-pelajar berkanaan dan mencari jalan penyelesaian bersama-sama. Selain itu, bagi pelajar-pelajar yang lemah dalam pendidikan, sekolah serta sistem pendidikan perlu memperkenalkan pendidikan khas kepada mereka supaya minat mereka kepada perkara-perkara yang bermanfaat dapat dijamin. Sekolah juga harus mempertimbangkan pelajar-pelajar yang lemah ini di masukkan ke kelas yang lebih baik daripada menyatukan mereka semua dalam satu kelas yang jelas membuka peluang kepada mereka untuk terlibat dalam keskes jenayah juvenil termasuk penyalahgunaan dadah.

Institusi Keagamaan Memainkan Peranan untuk Mengukuhkan Akidah dan Membawa Masyarakat ke Jalan Yang Benar

Institusi keagamaan seperti masjid dan surau di dearah Sandakan perlu proaktif dalam membantu masyarakat dan pihak berkuasa untuk membanteras kegiatan penyalahgunaan dadah. Selain pendidikan agama di rumah dan sekolah, masjid dan surau perlu memainkan peranan yang penting untuk membantu masyarakat Islam berada di jalan yang benar dan menghindar diri dari perkara-perkara yang dihina oleh agama Islam. Institusi-institusi agama yang lain juga perlu memainkan peranan yang sama dalam memberikan pendidikan moral kepada masyarakat di daerah ini. Selain khutbah, masjid, surau dan institusi agama yang lain juga boleh mengadakan ceramah-ceramah berkaitan dengan penyalahgunaan dadah terutama jenis Syabu dan mengadakan aktiviti-aktiviti yang dapat mengukuhkan akidah mereka masing-masing dan juga menghindarkan mereka daripada terjebak dengan kegiatan yang boleh memudaratkan manusia sejagat. Institusi-institusi agama kerajaan dan bukan kerajaan perlu menyediakan satu forum kepada masyarakat merujuk masalah mereka dan menyalurkan bantuan kaunseling kepada mereka yang memerlukan.

Mewujudkan Kerjasama Antara Orang Awam dan Pihak Berkuasa di Sandakan

Orang awam dan pihak berkuasa juga perlu sentiasa berganding bahu bagi sama-sama membanteras isu penyalahgunaan dadah yang semakin berleluasa terutama dalam kalangan golongan remaja. Masyarakat dan pihak kerajaan perlu bertindak pantas dalam melaporkan kegiatan-kegiatan yang mencurigakan. Orang awam perlu memberikan maklumat-maklumat kepada pihak berkuasa apabila mereka mensyaki sebarang kegiatan berkenaan penyalahgunaan dadah ini. Hal ini adalah kerana, tanpa maklumat daripada orang awam, pihak berkuasa tidak boleh mengenal pasti tempat perlakuan kegiatan jenayah ini.

Pihak Berkuasa di Sandakan Perlu Mengambil Tindakan yang Proaktif dalam Membanteras Penyalahgunaan Dadah

Pihak kerajaan juga perlu menubuhkan rumah-rumah pemulihan dan pusat-pusat kaunseling di Sandakan bagi tujuan memberi rawatan bagi penagih-penagih tidak mengira peringkat umur, bangsa dan lain-lain. Rumah pemulihan dan pusat kaunseling ini perlu lebih mesra dan menerima individu yang telah terjebak dalam najis dadah Syabu dengan harapan untuk memulihkan mereka dan membawa mereka ke jalan yang sebenar berbanding dengan menghukum mereka. Pihak berkuasa terutama pihak polis di Sandakan juga perlu membuat pelbagai operasi-operasi dengan kerap terutama di kawasan-kawasan perkampungan setinggan, lorong-lorong, pusat-pusat hiburan dan lain-lain tempat yang berisiko tinggi supaya kegiatan penyalahgunaan dadah ini dapat dikawal dan dibanteras daripada menjadi lebih kronik. Pihak polis perlu mewujudkan satu medium komunikasi mudah antara masyarakat dan pihak polis supaya masyarakat tidak akan berpandangan proses aduan melechkan atau membuang masa. Pihak polis di Sandakan juga perlu menyediakan seorang pegawai untuk memantau setiap kawasan di daerah Sandakan terutama di kawasan perumahan kos rendah dan sederhana. Hubungan dan komunikasi antara pegawai yang ditugaskan dan rukun tetangga serta masyarakat ini ternyata mampu memberikan peluang kepada pegawai tersebut mengenalpasti tahap sesuatu masyarakat menuju.

Meningkatkan Hukuman Terhadap Pesalah Tegar

Bagi pesalah-pesalah yang tegar atau berulang, Mahkamah di Sandakan perlu memainkan peranan yang penting untuk menetapkan satu hukuman yang lebih berat supaya hukuman yang dijatuhkan dapat memberi pengajaran kepada pesalah-pesalah. Mahkamah juga tidak harus mempertimbangkan sebarang faktor mitigasi dalam menentukan hukuman bagi kesalahan penyalahgunaan dadah terutama bagi pesalah tegar. Diharap hukuman yang berat dalam memberi pengajaran bukan sahaja kepada pesalah tetapi juga kepada masyarakat. Satu *trend* hukuman yang berat bagi pesalah yang berulang atau tegar adalah wajar dibuat di Mahkamah Sandakan supaya pesalah-pesalah penyalahgunaan dadah di Sandakan akan takut untuk terlibat dalam kesalahan yang sama di masa hadapan. Di samping itu, kerajaan perlu menimbangkan semula hukuman yang ditetapkan untuk pesalah-pesalah kes penyalahgunaan dadah ini dan hukuman yang ditetapkan perlu berbentuk pencegahan dan benar-benar berkesan untuk membawa mereka ke pangkuan keluarga dan masyarakat secara selamat. Walau bagaimanapun usaha dan langkah penyelesaian yang kita ambil, kita perlu bersikap optimis dan berserah diri kepada Allah SWT kerana ia adalah satu rangkaian yang mempunyai peranan besar dalam meraih kejayaan (Mokhtar dan rakan-rakan, 2021d) termasuklah menjauhkan diri mereka dari terus melakukan penyalahgunaan dadah dalam kehidupan sehari-hari.

Rumusan

Langkah-langkah yang perlu dimainkan oleh pihak-pihak dalam membendung masalah ini perlulah bermula dari akar umbi sehingga peringkat yang lebih tinggi. Langkah pembendungan ini harus bermula dari keluarga kerana seperti yang dibincangkan keluarga merupakan faktor utama dalam menangani isu keterlibatan seseorang dalam masalah dadah. Seterusnya, langkah selanjutnya perlu diambil oleh pihak sekolah dan kejiranan yang membentuk persekitaran ‘makro’ seseorang. Di sini, institusi keagamaan juga memainkan peranan penting dalam memastikan warga muda berpegang teguh pada banteng agama dengan mendekati dan menganjurkan aktiviti berkaitan. Walaubagaimanapun, masyarakat dan pihak berkuasa diingatkan agar tidak memandang serong kepada penagih-penagih dadah ini malah seharusnya memberikan semangat dan sokongan yang kuat. Pada masa yang sama, kerajaan memainkan peranan penting dalam pemulihan dan mengenakan hukuman setimpal ke atas pesalah-pesalah

ini. Sementara itu, hukuman yang dikenakan mahkamah harus berpaksi kepada prinsip-prinsip penghukuman yang setimpal dan pencegahan atau *deterrent*. Hukuman lebih berat pula perlu dikenakan kepada pesalah tegar bagi melihatkan keseriusan undang-undang terhadap isu dadah. Bagi pihak berkuasa seperti pihak polis pula, operasi bersasar terhadap kegiatan ini perlu dijalankan mengambil kira peningkatan isu ini dari semasa ke semasa. Dalam menjalankan usaha ini, kerjasama daripada masyarakat itu perlu kerana masyarakat juga berupaya memberi maklumat kepada pihak polis bagi sebarang kegiatan jenayah. Pihak AADK juga disarankan untuk mengadakan pelbagai program berkaitan dengan motivasi dan pengurusan stres dalam kalangan masyarakat Islam di Sandakan sebagai salah satu alternatif untuk mengelakkan masalah penyalahgunaan dadah jenis Syabu daripada berleluasa di kawasan sekitar daerah Sandakan yang merupakan antara daerah utama di negeri Sabah.

Rujukan

- Abd Razak, M. N., Mohd Radzi, F. A., Adnan, M. A., Ismail, H., Mohamed, A. M. D. & Omar Fauzee, M. S. (2009). Pengajaran Penyalahgunaan Dalam Tingkatan 4: Satu Kajian Kes. Agensi Anti Dadah Kebangsaan. *Jurnal Antidadah Malaysia*, 5 (1). ISSN 1985-1707.
- Abdul Ghani, S., Adam, F., & Wahab, A. R., (2014). *Penilaian penyalahgunaan dadah menurut fatwa ulama dari perspektif Islam*. Journal of Business and Social Development, 2(1), 57-62.
- Akta Dadah Berbahaya 1952, Parlimen Malaysia.
- Al Hadi, H. M. Abdullah. (1993). Faktor-Faktor Keluarga dan Tingkah Laku Penyalahgunaan Dadah: Satu Kajian Perbandingan antara Penyalahguna Dadah dengan Bukan Penyalahguna Dadah. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 1 (1). pp. 41-55. ISSN 0128-7702.
- Arsat, M. & Besar, A. (2011). Penyalahgunaan Dadah di Kalangan Pelajar. Satu Kajian di Pusat Serenti Tiang Dua, Melaka. *Journal of Science & Mathematics Education*. 1-9.
- Belon, S.A. (2022). Trend Dadah Sintetik Semakin Mencabar. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/trend-dadah-sintetik-semakin-mencabar-aadk-350835>. 9 Mac. Tarikh Capaian, 1 Jun 2022.
- Bibi, B. (2019). Syabu paling popular di Sabah. <http://www.dailyexpress.com.my/news/139815/syabu-paling-popular-di-sabah/>. Tarikh Capaian 3 Jun 2022.
- Ithnin, N.H., Abu Hanapah, S.A.A., Juhari, N., Tuah, S.S., & Mohd Asri, N. S. (2016). Analisis Faktor Penyalahgunaan Dadah dan Langkah Dari Segi Kognisi di Pusat Pengasih Malaysia. Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif, Universiti Pendidikan Sultan Idris
- Jass, Z. (2019). RM1.69 Juta Syabu dirampas di Sabah. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/07/479428/rm169-juta-syabu-dirampas-di-sabah>. Tarikh Capaian, 3 Jun 2022.
- Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka. (2007). Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.
- Manab, R. (2013). *Kajian Faktor Risiko Belia Terlibat dengan Penyalahgunaan Bahan di Kawasan Bandar di Negeri Johor*. Sarjana Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling). Fakulti Pendidikan. UTM.
- Marican, S., Mohamed, M. N., & Ismail, R. (2007). Trend dan Punca Penggunaan Dadah di Kalangan Penagih Dadah Wanita di Negeri Sabah: Implikasi kepada Rawatan dan

Pemulihan Dadah. *Jurnal Antidadah Malaysia (Malaysian Anti-Drugs Journal)*. 2 (2). 111-136. ISSN 1985-1707.

- Mokhtar, S., Hajimin, M. N. H. H., Muis, A. M. R. A., Othman, I. W., Esa, M. S., Ationg, R., & Lukin, S. A. (2021a). Analisis Prinsip-Prinsip Komunikasi Islam dalam Kitab al-Quran. *International Journal of Law, Government and Communication (IJLGC)*. Vol. 6. Issue 23. April 2021. 140-156.
- Mokhtar, S., Mustafa, M.Z., Thia, K., Moharam, M.M. & Ramlie, H. A. (2020). Faktor Penghalang Poligami: Kajian Kes Ke Atas Guru-Guru Lelaki di Daerah Kinabatangan, Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, Volume 5, Issue 9.137 - 148).
- Mokhtar, S., Othman, I. W., & Thia, K. (2021c). Implementasi Konsep al-Falah Dalam Aspek Keusahawanan Islam Menurut Perspektif al-Qurtubi: Satu Analisis. *International Journal of Accounting, Finance and Business (IJAFB)*, 6 (37),144 - 156.
- Mokhtar, S., Othman, I. W., Ationg, R., & Esa, M. S. (2021e). Implementasi Dakwah Terhadap Etnik Sungai Di Sabah: Satu Analisis Awal. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6(40), 164 – 178.
- Mokhtar, S., Othman, I. W., Moharam, M. M., & Maidin, I. (2021d). Dakwah Bil Akhlak Kontemporari: Satu Pendekatan dalam Konsep Keusahawanan Islam. *International Journal of Accounting, Finance and Business (IJAFB)*, 6 (37),111 - 123.
- Mokhtar, S., Othman, I. W., Ramlie, H. A., & Ariffin @ Eduny, S. (2022b). Implikasi PdPr Menerusi Online Semasa Pandemik Covid-19: Satu Tinjauan Terhadap Persepsi Guru-Guru di Sekolah Sekitar Daerah Kota Kinabalu, Sabah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7 (45), 96-111.
- Mokhtar, S., Ramlie, H., Januin, J., Jawing, E., & Abang Muis, A. M. R. (2022a). Analisis Persamaan Dan Perbezaan Prinsip Komunikasi Dalam Kitab Al-Quran Dan Veda. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7 (45), 152-165.
- Mokhtar, S., Shah, M. K. M., Ramlie, H., Othman, I. W., Ationg, R., Esa, M. S. & Marinsah, S. A. (2021b). Rekayasa Dakwah KBAT dalam Kalangan Mahasiswa di Universiti Malaysia Sabah Menerusi Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban. *International Journal of Education, Psychology and Counselling (IJEPC)*. Volume 6, Issue 39 (May 2021). 178-193.
- Mokhtar, S., Thia, K., & Ramlie, H. A. (2019). Pendekatan Dakwah JHEAINS terhadap Banduan di Penjara Sandakan: Satu Tinjauan Awal. *Jurnal al-Hikmah*. 11(2) 2019: 68-87.
- Mokhtar, S., Thia, K., Othman, I.W., & Moharam, M.M. (2021f). Prospek dan Cabaran Implementasi Dakwah dalam Media Kontemporari: Satu Analisis. *5th International Conference on Teacher Learning and Development (ICTLD)*. 03-05 Ogos 2021. 408-418.
- Othman, Z., Nor Azizan Idris, N. A., & Druis, M. D. (2015). Penyalahgunaan Dadah Sebagai Ancaman Keselamatan: Analisis keberkesanan program kerajaan dalam mengekang pengkreutan penagih dadah di Malaysia. GEOGRAFIA Online. *Malaysian Journal of Society and Space*. 11 issue 13 (60 - 71) 2015, ISSN 2180-2491.
- Salleh, M. J. (2012). Permasalahan Penagihan Dadah: Tinjauan di Pusat Serenti Selangor. International Seminar on Community Development – SAPKO 2012. Date: 7 – 9 April 2012. Hotel Primer Kuala Terengganu. By Faculty of Social Development, University Malaysia of Terengganu.
- Seli, H., Che Mat, C. B., & Nordin, W. H. (2004). Fenomena Penyalahgunaan Dadah dan Hidu Gam Serta Kesannya Kepada Sistem Nilai. Seminar Antarabangsa Nilai dalam

Komuniti Pasca Modenisme (SIVIC 2004), 4-6 September 2004, Hotel City Bayview Langkawi.

Tunggak, B., Hashim, S., Mohamad, N. A., & Ali, M. (2015). Faktor Risiko Belia Terlibat dalam Penyalahgunaan Dadah dan Cadangan Penyelesaiannya Menerusi Model Pembangunan Belia Muslim Terpimpin. *Jurnal Antidadah Malaysia*. Jilid 9, No. 1, Disember 2015. ISSN 2231-9387. Universiti Teknologi Malaysia.

Unit Alkohol dan Substans, Sektor MeSVIPP Bahagian Kawalan Penyakit Pertubuhan Kesihatan Sedunia Kuala Lumpur (2013) Garis Panduan Pengendalian Amphetamine Type Stimulant (ATS) dan Psikostimulant lain di Peringkat Primer dan Komuniti, ISBN 978-967-0399-61-4

Zainudin, H. (2020). KDN Kenal Pasti 37 Titik Pendaratan PATI di Sabah. <https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=1851153>. Tarikh Capaian, 3 Jun 2022.

Zakaria, E., Ibrahim, F., & Hassan, N. (2020). *Hubungan antara Penerimaan, Kesediaan, Logistik dan Insentif dengan Penglibatan Program Pendidikan Pencegahan Dadah dalam Kalangan Keluarga B40*. Jurnal Psikologi Malaysia 34 (2) (2020) 184 – 194 ISSN-2289-8174.